

PENGOPERASIAN KONSEP TAWARRUQ DALAM AR- RAHNU YAPEIM DAN IMPLIKASINYA TERHADAP USAHAWAN MIKRO DI MALAYSIA

THE OPERATIONALISATION OF THE TAWARRUQ CONCEPT IN YAPEIM'S AR-RAHNU AND ITS IMPLICATIONS FOR MICRO- ENTREPRENEURS IN MALAYSIA

Anisah Nasib ¹
Mohd Noor Daud ²
Nurul Ain Othman ³

¹Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University, Malaysia, (E-mail: adnies86@gmail.com)

²Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University, Malaysia, (E-mail: mohd.noor@fsk.edu.my)

³General Studies Department, Sultan Azlan Shah Polytechnic, Malaysia, (E-mail: nurulain.o@psas.edu.my)

Article history

Received date : 4-5-2025

Revised date : 5-5-2025

Accepted date : 3-7-2025

Published date : 15-7-2025

To cite this document:

Nasib, N., Daud, M. N., & Othman, N. A. (2025).
Pengoperasian konsep Tawarruq dalam Ar-Rahnu
YaPEIM dan implikasinya terhadap usahawan mikro di
Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 8
(27), 61 - 70.

Abstrak: *Ar-rahnu YaPEIM* merupakan salah satu institusi pajak gadai Islam di Malaysia yang menyediakan perkhidmatan pembiayaan mikro berlandaskan prinsip syariah. Antara usahanya dalam memenuhi kriteria patuh syariah, ia telah memperluaskan akses pembiayaannya kepada komuniti usahawan dengan mengadaptasi konsep tawarruq bagi menawarkan kemudahan kewangan yang lebih fleksibel. Kajian ini bertujuan untuk meneliti secara mendalam pelaksanaan skim ar-rahnu YaPEIM yang menggunakan konsep tawarruq berdasarkan dokumen-dokumen rasmi institusi, laporan tahunan dan kajian-kajian akademik terdahulu. Selain itu, kajian ini dijalankan adalah untuk menilai bagaimana pelaksanaan konsep ini memberi impak kepada pemerikasaan usahawan mikro yang patuh syariah. Pendekatan kualitatif melalui kaedah kajian dokumen secara mendalam menggunakan dokumen-dokumen primer dan skunder dilakukan bagi meneliti pengoperasian konsep tawarruq dan impaknya terhadap usahawan mikro. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan konsep tawarruq dalam ar-rahnu YaPEIM adalah selari dengan prinsip-prinsip fiqh muamalat dan telah diperincikan dengan jelas dalam dokumen operasi mereka. Walau bagaimanapun, analisis kandungan mendapati jurang yang masih wujud dari sudut pemahaman dan aspek pemantauan jangka panjang terhadap daya saing usahawan mikro. Kajian ini juga mengisi jurang dengan menawarkan analisis berasaskan dokumen yang bersifat reflektif dan mendalam terhadap pelaksanaan konsep tawarruq serta implikasinya dalam konteks pembangunan ekonomi mikro di Malaysia.

Kata Kunci: *Ar-rahnu YaPEIM, Konsep Tawarruq dan Usahawan Mikro*

Abstract: *Ar-Rahnu YaPEIM is one of the Islamic pawn broking institutions in Malaysia that provides microfinancing services grounded in Shariah principles. In its effort to uphold Shariah compliance, YaPEIM has expanded its financial access to the entrepreneurial community by adopting the concept of tawarruq to offer more flexible financial solutions. This study aims to examine in depth the implementation of YaPEIM's Ar-Rahnu scheme employing the tawarruq mechanism, based on official institutional documents, annual reports, and previous academic studies. It further seeks to evaluate how the application of this concept contributes to the empowerment of Shariah-compliant micro-entrepreneurs. A qualitative research design was employed, using in-depth document analysis of both primary and secondary sources to explore the operationalisation of tawarruq and its implications for micro-entrepreneurs. The findings indicate that the use of tawarruq in Ar-Rahnu YaPEIM aligns with the principles of fiqh muamalat and is clearly articulated in their operational documentation. Nevertheless, content analysis reveals persisting gaps in understanding and long-term monitoring related to the competitiveness of micro-entrepreneurs. This study fills a research gap by offering a reflective and comprehensive document-based analysis of the tawarruq implementation and its implications in the broader context of microeconomic development in Malaysia.*

Keywords: *Ar-Rahnu YaPEIM, Tawarruq Concept, Micro-Entrepreneurs*

Pengenalan

Di Malaysia, ar-rahnu atau pajak gadai Islam telah berkembang pesat dan memberi impak positif terhadap masyarakat dan sosioekonomi negara. Selari dengan perkembangan tersebut menyebabkan banyak institusi-institusi kewangan seperti perbankan, koperasi awam dan syarikat-syarikat telah menawarkan skim ini (Rosaidi dan Noziah, 2021). Kewujudan skim ar-rahnu ini memberi manfaat dan keuntungan kepada pelanggan, membuatkan ianya menarik perhatian dan penyertaan masyarakat di dalam skim ini terutama bagi mereka yang memerlukan wang tunai segera seperti golongan susah, golongan berpendapatan rendah dan usahawan kecil (Azizah dan Atikullah, 2019).

Institusi ar-rahnu YaPEIM merupakan salah satu institusi pajak gadai Islam sebagai perintis yang menawarkan skim ini di Malaysia sebagai alternatif pembiayaan peribadi yang berasaskan cagaran emas (Wan Naimah, Murni dan Zakaria, 2021). Ar-rahnu YaPEIM telah ditubuhkan sejak tahun 1993 dengan kerjasama Bank Kerjasama Rakyat Malaysia. Institusi ini juga pernah berkerjasama dengan Bank Islam Malaysia Berhad iaitu pada tahun 1998 sehingga 2004. Kemudian pada tahun 2000, Koperasi YAPEIM Berhad telah mengambil alih pelaksanaannya dengan mengawal selia produk serta perkhidmatan ar-rahnu. Cawangan pertama ar-rahnu YaPEIM adalah cawangan Kampung Attap, Kuala Lumpur (Amirah Hakimah, Siti Nur Azzyatu, Nazhatul Ain dan Siti Aisyah, 2021).

Ar-rahnu dari sudut bahasa bermaksud cagaran atau jaminan iaitu merujuk kepada tindakan menahan suatu harta untuk dijadikan jaminan pembayaran semula hutang yang dibuat (Abu Ubaid, 1987). Manakala ar-rahnu dari sudut istilah syarak pula membawa maksud suatu kontrak gadaian berteraskan syariah yang memberikan pembiayaan tanpa riba kepada peminjam dengan menyerahkan barang berharga milik mereka kepada pihak yang memberikan pinjaman. Apabila peminjam gagal membuat bayaran balik pinjaman tersebut dalam tempoh ditetapkan, maka pihak pemberi pinjam boleh menjual barang cagaran tadi untuk mendapatkan kembali wang yang dipinjam oleh pihak peminjam (Ibn Qudamah, t.t). Ar-rahnu YaPEIM menawarkan produk ar-

rahnu dengan menggunakan lima konsep gadaian at-tawarruq iaitu (Laman Web Rasmi Ar-Rahnu YaPEIM, 2024):

- a) *Ijarah al-khadamat* (kontrak sewaan), *musawah*: Jual beli aset yang tidak melibatkan pendedahan kos keuntungan dan pembelian kepada pembeli.
- b) *Wakalah*: Wakil yang memelihara, menjaga dan menjamin sesuatu urusan.
- c) *At-tawarruq*: Urusniaga muamalah melibatkan dua peringkat iaitu pembelian aset di antara penjual dan pembeli serta pihak pembeli akan menjual aset kepada pihak ketiga. Penglibatan pihak ketiga ini tidak mempunyai kaitan di antara satu sama lain.
- d) *Ar-rahnu*: Suatu barang berharga dijadikan sandaran hutang bercagar dan hutang boleh dibayar dengannya jika hutang tidak dapat dijelaskan.

Konsep tawarruq dipekenalkan oleh YaPEIM bermula pada 7 Februari 2020 mengikut saranan Bank Negara Malaysia (BNM) atas dasar kepentingan pelaksanaan ar-rahnu berasaskan konsep syariah yang tepat (Siti Hazirah dan Nor Fatimah, 2021). Menurut Wan Naimah, Murni dan Zakaria (2021), tawarruq menawarkan cara pembiayaan yang patuh syariah dan semakin diterima kerana ia menyediakan alternatif kepada unsur-unsur yang dilarang dalam Islam seperti riba. Penggunaan konsep tawarruq dalam ar-rahnu YaPEIM diterima oleh usahawan mikro dalam meningkatkan daya saing dan kestabilan kewangan perniagaan mereka. Walau bagaimanapun, masih terdapat kekurangan kajian empirik mengenai impak pelaksanaannya terhadap usahawan mikro. Adakah konsep ini benar-benar membantu meningkatkan kestabilan kewangan usahawan mikro khususnya wanita secara optimum atau terdapat cabaran dalam memahami dan memanfaatkan perkhidmatan ini?

Meskipun konsep tawarruq semakin meluas penggunaannya dalam produk pembiayaan Islam di Malaysia termasuklah dalam skim ar-rahnu YaPEIM, namun kajian terdahulu masih kurang menumpu secara langsung terhadap impaknya ke atas prestasi kewangan usahawan mikro (Nik Hadiyan et. al, 2020). Hal ini kerana kebanyakan kajian lepas lebih menekankan aspek hukum syarak atau pun struktur kontrak dan tidak menyelidik bagaimana pengoperasian tawarruq memberi kesan secara langsung kepada daya tahan, prestasi dan pertumbuhan perniagaan golongan ini dalam konteks ekonomi.

Selain itu, analisis pelaksanaan konsep ini lebih banyak tertumpu kepada institusi perbankan, namun institusi berasaskan koperasi seperti YaPEIM yang lebih mensasarkan golongan rentan masih kurang mendapat perhatian dalam kajian akademik semasa (Nor Fadilah, Zurina dan Nurul Wajhi, 2021). Kajian terdahulu juga tidak banyak menggunakan pendekatan analisis dokumen mendalam bagi menilai bagaimana pelaksanaan tawarruq selaras dengan objektif pembiayaan mikro secara syarak (Mohd Rozie, 2023). Jurang-jurang seperti ini menimbulkan keperluan untuk menjalankan kajian lebih reflektif dan berasaskan dokumen untuk memahami keberkesanan sebenar tawarruq dalam membantu usahawan mikro melalui skim ini.

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneliti dan menilai pelaksanaan skim ar-rahnu YaPEIM yang menggunakan konsep tawarruq dan kesannya terhadap usahawan mikro dalam meningkatkan prestasi ekonomi dan daya saing perniagaan mereka. Kepentingan kajian ini dilaksanakan adalah untuk memberikan pandangan kepada penggubal dasar dan institusi kewangan Islam dalam memperbaiki produk mereka serta memastikan tawarruq terus relevan dan bermanfaat bagi golongan sasaran. Dalam konteks ini, faktor-faktor seperti pemahaman konsep, manfaat ekonomi serta kesesuaian nilai agama memainkan peranan penting. Kerangka ini turut menekankan hubungan antara akses kepada pembiayaan mikro dan peningkatan perkembangan perniagaan usahawan mikro.

Sorotan Kajian Lepas

Kajian tentang pengoperasian konsep tawarruq dalam ar-rahnu YaPEIM ini memberi fokus kepada impak atau kesannya terhadap usahawan mikro sebagai sumber pelaksanaan perniagaan mereka. Sorotan kajian ini bertujuan mentafsir dan menganalisa kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan topik perbincangan ini. Menerusi kajian ini, pengkaji telah membuat sorotan berdasarkan tiga tema iaitu konsep tawarruq, ar-rahnu YaPEIM dan usahawan mikro. Meskipun telah ada kajian lepas yang menyentuh dan membincangkan aspek-aspek berkaitan, namun belum ada lagi kajian terperinci yang menyentuh, mengkaji dan membahaskan secara khusus tentang *'Pengoperasian Konsep Tawarruq dalam Ar-Rahnu YaPEIM dan Implikasinya kepada Usahawan Mikro di Malaysia*.

Konsep Tawarruq

Konsep tawarruq yang telah digunakan sebagai instrumen kewangan Islam yang semakin meluas di Malaysia khususnya dalam pelaksanaan ar-rahnu dan menjadi subjek perbincangan yang semakin meningkat. Dalam kajian Nor Fadilah, Zurina dan Mustafa (2021), menganalisa pelaksanaan tawarruq dalam institusi ar-rahnu seperti YaPEIM dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia dengan menekankan keberkesanan modul ini dalam menyediakan alternatif pembiayaan berasaskan syariah.

Manakala kajian Fatimah Salwa dan Mohamad Azahar (2021) pula mengkaji tentang inovasi tawarruq dalam sektor koperasi dan impaknya terhadap penerima manfaat. Mereka menyatakan bahawa berlaku penerimaan positif dalam kalangan ahli mereka dengan pelaksanaan ar-rahnu yang sesuai dengan konsep syarak. Salah satu faktor penerimaan ini adalah kerana penggunaan konsep tawarruq dalam ar-rahnu YaPEIM dan mengenakan kadar upah setiap produk yang lebih rendah. Tiada caj tambahan dikenakan kepada pengguna kerana caj tawarruq ditanggung sepenuhnya oleh pihak ar-rahnu YaPEIM (Wan Naimah, Murni dan Zakaria, 2021).

Namun begitu, terdapat juga percanggahan pendapat dalam kajian lepas berkaitan konsep tawarruq ini. Antaranya adalah dari sudut menyokong dan menerima konsep ini sepenuhnya sebagai amalan patuh syariah dalam ar-rahnu dan juga mempersoalkan integritinya. Kajian Nor Fadilah, Zurina dan Mustafa (2022) menjelaskan bahawa ar-rahnu YaPEIM berjaya menyesuaikan struktur barunya berasaskan tawarruq walaupun menghadapi cabaran dalam pelaksanaannya dan memerlukan pengawal seliaan semasa dari ke semasa. Terdapat juga kajian yang mengkritik pelaksanaan konsep tawarruq dengan menyatakan ia hanya sebagai *hiyal* (helah) yang meragukan dari sudut fiqh. Struktur kontakannya juga seperti *bay'inah* menimbulkan persoalan sama ada konsep tersebut boleh diterima dalam jangka yang panjang (Dziauddin et. al, 2022).

Walaupun terdapat kajian-kajian lepas yang membincangkan tawarruq dari sudut ketepatan syariah dan pelaksanaannya, namun masih terdapat kekurangan kajian yang menilai secara terperinci bagaimana tawarruq mempengaruhi prestasi kewangan dan kestabilan ekonomi penerima seperti dalam kalangan usahawan mikro. Kajian ini ingin mengisi jurang tersebut dengan menilai kesan pengoperasian tawarruq dalam ar-rahnu YaPEIM terhadap ekonomi usahawan mikro di Malaysia.

Ar-Rahnu YaPEIM

Ar-rahnu merujuk kepada konsep gadaian Islam dan merupakan instrumen kewangan yang patuh syariah serta menjadi alternatif pembiayaan yang semakin menjadi pilihan masyarakat di Malaysia (Noha dan Mohamad Aniq, 2024). Kajian lepas mengenai ar-rahnu YaPEIM

membuktikan bahawa skim ini memainkan peranan penting dalam meningkatkan ekonomi mikro di Malaysia khususnya dalam kalangan wanita (Yusrizah, 2020). Menurut Nusaibah dan Azwa (2021), skim ar-rahnu YaPEIM menawarkan pembiayaan mikro yang berfokus kepada golongan memerlukan seperti golongan berpendapatan rendah dan juga golongan usahawan kecil untuk mereka berpeluang memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka dengan mencagarkan emas milik mereka.

Ar-rahnu YaPEIM menjadi pilihan dalam kalangan masyarakat kerana penawaran kadar caj upah simpan yang lebih rendah berbanding dengan institusi pembiayaan mikro yang lain. Nilai caj upah yang dikenakan ini pula tidak akan berubah sepanjang tempoh pembiayaan dan kadar yang rendah ini mampu menjimatkan kos operasi para usahawan mikro (Hallieyana dan Hamid, 2020). Justeru, kajian lepas lebih banyak memberi tumpuan kepada aspek teknikal secara umum tanpa memberi perhatian mendalam kepada impak yang spesifik dalam pengoperasian konsep tawarruq ar-rahnu YaPEIM.

Walaupun begitu, timbul perdebatan antara keberkesanannya sebagai mekanisme mikro-kredit patuh syariah dengan cabaran operasinya. Kajian Zainur Nadiyah et. al, (2023) mendapati pelaksanaannya di Co-opbank Pertama telah diselaraskan dengan konsep tawarruq dan tadbir urus yang kukuh sebagai salah satu bank koperasi. Namun menyoroti kajian Nik Hadiyan Nik Hadiyan, Mohd Zaidi, Salinan dan Nurhafiza (2020) pula menegaskan bahawa meskipun peluasan jangkauan ar-rahnu membawa kesan yang positif terhadap kesejahteraan kewangan pengguna, tetapi struktur institusi dan variasi pelaksanaan menyebabkan perbezaan pengalaman pengguna antara institusi perbankan dan YaPEIM.

Usahawan Mikro

Berdasarkan kajian-kajian lepas telah menunjukkan bahawa usahawan mikro khususnya dalam kalangan wanita memainkan peranan penting bagi membangunkan ekonomi tempatan, khususnya dalam kalangan komuniti berpendapatan rendah. Salimahet al. (2024) mendapati bahawa program mikro kredit seperti dalam ar-rahnu YaPEIM membantu wanita khususnya membina perniagaan kecil yang berdaya maju dengan menyediakan akses mudah, cepat dan telus untuk mendapatkan modal perniagaan melalui cagaran emas.

Dalam kajian Emy Norlyana (2023), mendapati para usahawan khususnya wanita telah ramai memanfaatkan aset emas mereka untuk dijadikan cagaran bagi mendapatkan wang tunai segera bagi memajukan lagi perniagaan yang dijalankan. Nik Hadiyan et. al, (2020) menyatakan sifat semulajadi dan ciri perniagaan adalah keperluan kepada wang sebagai modal sama ada untuk memulakan perniagaan atau pun meluaskan lagi perniagaan usahawan.

Kajian lain yang dibuat oleh Hallieyana, Nurul Fazlina dan Azwan (2021) pula menyatakan bahawa usahawan mikro wanita khususnya sering menghadapi cabaran dalam perniagaan mereka seperti kekangan modal, keterbatasan pengetahuan perniagaan, tahap kefahaman dan penerimaan yang menghalang memaksimumkan potensi mereka menggunakan perkhidmatan ar-rahnu. Terdapat juga kajian-kajian lepas yang menyentuh tentang peranan, manfaat dan keberkesanan program mikro kredit seperti kajian Razinda Tasnim, Nur Syamilah, Muhammad Hafiz dan Rabiatul Adawiyah (2021), tetapi kebanyakan kajian kurang memberi perhatian kepada isu khusus seperti impak pengoperasian tawarruq terhadap kewangan dan prestasi perniagaan wanita dalam konteks tempatan.

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan pandangan dalam kajian lepas tentang sejauh mana tawarruq dalam ar-rahnu benar-benar membantu mereka. Menerusi kajian Nik Hadiyan et al. (2020), menjelaskan bahawa ar-rahnu menyumbang kepada kesejahteraan kewangan mikro tetapi tidak membuat perbezaan impak spesifik konsep tawarruq. Sebaliknya kajian Zainur Nadiyah et. el, (2023) dalam menganalisis institusi Co-opbank menjelaskan bahawa pengadaptasian tawarruq dalam pengoperasiannya dapat mempertingkatkan akses kredit secara ketara menerusi koperasi ar-rahnu berbanding institusi lain.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kajian dokumen. Data dianalisis dengan kaedah analisis tematik menggunakan perisian Atlas.ti 25 bagi meneliti pengoperasian tawarruq dalam ar-rahnu YaPEIM dan impaknya terhadap usahawan mikro. Berikut merupakan langkah-langkah analisis dokumen menggunakan Atlas.ti 25:

- i. Penyediaan dokumen: Mengumpul dokumen primer dan sekunder kajian seperti garis panduan dan manual ar-rahnu YaPEIM, artikel jurnal laporan akademik dan lain-lain.
- ii. Import dokumen ke dalam Atlas.ti: Import semua dokumen dan labelkan dokumen mengikut sumber dan tahun terbitan dalam satu projek baharu (namakan projek kajian) di bahagian *Documents*.
- iii. Pembaguan kod awal: Membaca dokumen satu persatu dan mengenalpasti kod makna serta mencipta kod awal berdasarkan kata kunci tiga tema.
- iv. Pembangunan kod tema: Mengumpulkan kod awal kepada kategori atau tema iaitu tema 1: konsep tawarruq, kod 2: ar-rahnu YaPEIM dan kod 3: usahawan mikro.
- v. Analisis perhubungan dan corak: Menggunakan *Network View* untuk mengenalpasti hubungan antara tema dan subtema serta menganalisis frekuensi kod, *co-occurrence* dan *pattern* yang muncul berulang dalam dokumen.
- vi. Memo dan catatan refleksi: Menulis memo analitik bagi setiap tema untuk mendokumentasi dapatan sementara dan refleksi.
- vii. Pelaporan dapatan analisis: Menyusun data mengikut tema-tema yang dikenalpasti.
- viii. Triangulasi dan semakan: menyemak kesahan tema dengan membandingkan hasil analisis dokumen primer dan sekunder.

Pendekatan tersebut dipilih untuk membolehkan pengkaji meneliti dokumen-dokumen primer dan sekunder secara mendalam dari aspek struktur, prosuder dan pelaksanaan tawarruq dalam model perkhidmatan ar-rahnu YaPEIM. Proses analisis data kajian dilakukan menggunakan teknik analisis tematik ini adalah untuk mengenalpasti dan mengekstrak tema-tema utama berkaitan menerusi perisian Atlas.ti 25. Dengan menggunakan pendekatan ini, ianya dapat memberikan gambaran menyeluruh terhadap dokumen kajian yang mewakili dasar dan realiti pelaksanaan lapangan tanpa kehadiran responden secara langsung.

Perbincangan dan Dapatan Kajian

Kajian yang dilaksanakan ini telah menganalisa pelbagai sumber dokumen utama termasuklah dokumen operasi ar-rahnu YaPEIM, laporan tahunan YaPEIM, garis panduan syariah oleh Bank Negara Malaysia (BNM) serta kajian-kajian lepas yang relevan untuk memahami bagaimana konsep tawarruq dilaksanakan dalam skim ar-rahnu YaPEIM dan impaknya kepada usahawan mikro di Malaysia. Berdasarkan dapatan analisis dokumen yang telah dibuat, konsep tawarruq yang digunakan dalam produk ar-rahnu YaPEIM adalah berpaksikan kepada prinsip-prinsip fiqh muamalat seperti dalam aspek pemilikan aset, pemisahan kontrak dan kepatuhan kepada rukun serta syarat akad jual beli dan wakalah sebagaimana yang dinyatakan dalam kajian Dziauddin et al. (2022). Justeru, penemuan ini sejajar dengan kenyataan yang terdapat dalam *Shariah Standard*

on *Tawarruq* oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun 2020 yang menjadi rujukan utama dalam pematuhan syariah bagi institut kewangan Islam di Malaysia.

Pelaksanaan konsep *tawarruq* dalam model perkhidmantan ar-rahnu adalah satu langkah strategik bagi memastikan pematuhan kepada prinsip syariah serta menyesuaikan skim pajakan Islam ini dengan keperluan perbankan moden (Rusni dan Harith, 2021). Konsep *tawarruq* digunakan sebagai mekanisme untuk menyediakan tunai kepada para pelanggannya tanpa melibatkan unsur riba. Justeru, *tawarruq* dalam skim ar-rahnu YaPEIM dilaksanakan dengan pembelian dan penjualan komoditi melalui platform yang dikawal selia untuk membolehkan pelanggan-pelanggan memperoleh tunai segera berlandaskan struktur jual beli yang sah di sisi syarak. Dalam kajian Muhammad Abdullah (2024) menegaskan bawah pelaksanaan *tawarruq* di institusi kewangan Islam semakin teratur dan sistematik serta mendapat penerimaan meluas tetapi masih perlu kepada pemahaman mendalam terhadap prosuder sebenar. Integrasi dalam skim ar-rahnu YaPEIM ini memberi peluang untuk menggabungkan prinsip fiqh dengan kecekapan operasi. Walau bagaimanapun pendidikan dan pendedahan kepada pelanggan oleh pihak institusi ar-rahnu masih perlu menjadi faktor utama dalam mempertingkatkan keberkesanan pelaksanaannya.

Berdasarkan dapatan kajian ini pengoperasian *tawarruq* dalam ar-rahnu YaPEIM berperanan sebagai instrumen pembiayaan mikro yang fleksibel, mudah dan cepat kepada para usahawan mikro untuk mendapatkan sumber modal atau menambah modal bagi mengembangkan perniagaan mereka. Penekanan yang dibuat institusi YaPEIM terhadap pengupayaan usahawan mikro khususnya usahawan wanita melalui dokumen Strategi Pembangunan Ekonomi Wanita oleh YaPEIM terbukti dengan wujudnya akses mudah kepada pembiayaan patuh syariah seperti dalam produk BizNita dan Bisnes. Strategi tersebut memperkukuhkan lagi peranan ar-rahnu sebagai penyokong ekonomi mikro yang signifikan terhadap golongan sasaran produk ini. Kenyataan tersebut disokong dalam kajian Nor Fadilah et al. (2022) yang menyatakan bahawa peranan ar-rahnu mampu meningkatkan keupayaan daya tahan kewangan peniaga kecil terutamanya semasa krisis ekonomi.

Penggunaan konsep *tawarruq* dalam ar-rahnu YaPEIM telah memberikan sumbangan signifikan terhadap ekonomi mikro khususnya usahawan mikro wanita. Ar-rahnu menawarkan alternatif yang lebih fleksibel dan patuh syariah kepada para usahawan mikro yang membolehkan mereka memanfaatkan emas untuk pusingan modal perniagaan. Berdasarkan kajian Mohd Shafiz (2021) telah membuktikan bahawa pembiayaan mikro melalui ar-rahnu dapat meningkatkan kelangsungan perniagaan usahawan kecil serta dapat membantu memacu pertumbuhan pendapatan dan menstabilkan kedudukan kewangan golongan yang berpendapatan rendah. Oleh itu, pelaksanaan *tawarruq* dalam skim ar-rahnu YaPEIM ini sekaligus menjadi pengantara penting dalam memperkasa wanita menerusi pembiayaan yang mudah dan adil. Namun, tahap impak atau kesannya adalah berbeza-beza mengikut tahap pemahaman pelanggan terhadap kontrak yang digunakan serta tahap keupayaan mereka dalam menguruskan dana dengan berhemah.

Oleh yang demikian, pendekatan *tawarruq* dalam ar-rahnu YaPEIM dilihat sebagai satu inovasi dalam kewangan Islam, namun terdapat beberapa cabaran utama yang dihadapi dalam mengimplementasikannya. Antaranya cabaran tersebut ialah tahap kefahaman pelanggan terhadap struktur *tawarruq* masih rendah terutamanya dalam kalangan usahawan mikro yang lebih fokus kepada keperluan modal segera berbanding memahami terma dan syarat kontrak kewangan (Ariza Qanita et al., 2024). Selain itu, terdapat kekangan dari segi penyampaian maklumat oleh pihak institusi sendiri kerana penyampaian maklumat tidak mengambil kira latar

belakang pelanggan yang berbeza-beza. Kajian-kajian lepas juga lebih tertumpu kepada aspek pelaksanaan umum tawarruq dalam sistem kewangan Islam tanpa memberi perhatian khusus kepada dimensi ekonomi mikro.

Kesimpulan

Kajian ini telah mendedahkan bahawa konsep tawarruq yang diamalkan dalam model perkhidmatan ar-rahnu YaPEIM sememangnya memberi impak positif sekaligus memainkan peranan penting terhadap pembangunan ekonomi usahawan mikro di Malaysia. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pengoperasian tawarruq ini bukan sahaja memudahkan akses kepada pembiayaan patuh syariah, namun turut menyumbang kepada kestabilan kewangan dan pengembangan perniagaan usahawan mikro. Walau bagaimanapun, masih terdapat cabaran dalam meningkatkan tahap pemahaman pelanggan terhadap konsep tawarruq serta mengoptimumkan perkhidmatan ini dalam memenuhi keperluan pelanggan. Kajian ini juga dapat mengisi jurang dalam kajian terdahulu dengan memberikan perspektif mendalam dari aspek pengalaman pengguna yang menggunakan perkhidmatan ar-rahnu YaPEIM.

Oleh yang demikian, hasil kajian ini berpotensi menyumbang kepada penambahbaikan dasar dan amalan ar-rahnu YaPEIM di masa hadapan, terutamanya dalam usaha memperkasakan usahawan mikro khususnya wanita di negara ini. Dengan memfokuskan kepada perspektif usahawan mikro serta pelaksanaan tawarruq dalam konteks ar-rahnu YaPEIM, dapatan kajian ini juga menyumbang kepada perumusan lebih strategi dan responsif terhadap keperluan ekonomi selaras dengan matlamat Dasar Keusahawanan Nasional dan SDG. Berdasarkan kajian ini, dicadangkan agar kajian pada masa akan datang dapat memperluaskan skop kajian dengan melibatkan perbandingan di antara institusi ar-rahnu yang lain bagi menilai keberkesanan pengoperasian konsep tawarruq dalam konteks yang lebih meluas.

Rujukan

- Abu Ubaid, M. (1987). *Al-Amwal*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Amirah Hakima, H., Siti Nur Azzyati, S., Nazhatul Ain, H. & Siti Aisyah, I. (2021). Impak Pandemik Covid-19 ke Atas Pembiayaan Ar-Rahnu: Kajian di Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) Cawangan Kampung Attap. *International Research Conference on Syariah Compliant Industries*.
- Ariza, Q., Meldona, M. & Nanik, W. (2024). Tawarruq As the Solutaion of Shariah Non Compliance in Ar-Rahnu Practice: How Does It Work? *Review of Islamic Economics and Finance*.
- Azizah, O., & Atikullah, A., 2019. Al-Rahnu Development in Malaysia: A Case of Al-Rahnu Institution Under The Terengganu Islamic Religious and Malay Customs Council. *International Journal of Islamic Business*.
- Davis, F. D. (1989). Technology Acceptance Model: TAM. *Al-Suqri, MN, Al-Aufi, AS: Information Seeking Behavior and Technology Adoption*.
- Dziauddin, S., Mohamed Fairouz, A. K. & Fadhilah Adibah, I. (2022). Wadiah and Ujrah Issue in Al-Rahnu Product: A Turning Point to Tawarruq Structure. *International Journal of Academic Research in Business & Socia Sciences*.
- Dziauddin, S., Amir, S., Nurul Ain, M., Nasif Sidquee, P. & Mohamad Zaid, M. Z. (2022). Wadiah and Ujrah Issue in Al-Rahnu Product: A Turning Point to Tawarruq Structure. *International Journal of Academic Research in Business & Socia Sciences*.
- Emy Norlyana, T. H. (2023). *Perspektif Peniaga Kecil Wanita Terhadap Program Mikro Kredit Al-Rahnu Maidam Di Bandaraya Kuala Terengganu*. Tesis Ijazah Doktor falsafah, Universiti Sains Malaysia.

- Fatimah Salwa, A. H., & Mohamad Azahar, A. (2021). Pelaksanaan Inovasi Ar-Rahnu dalam Sektor Koperasi di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*.
- Hallieyana, S. & Hamid, A. L (2020). Faktor Penentu Penggunaan Kemudahan Skim Ar-Rahnu dalam Kalangan Usahawan Wanita. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam (Irjsmi)*.
- Ibn Qudamah, A. (t.t.). *Al-Mughni*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Laman Web Rasmi Ar-Rahnu Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), (3 Disember 2024). www.arrassnuyapeim.net/pengenalan.
- Mohd Rozie, M. D. (2023). Explorasing Research Gaps of Ar-Rahnu in Malaysia: An Analysis Using Maqasid Al-Syariah Principles. *Journal of Enterprise and Development*.
- Mohd Shafiz, S., Mohd Fazil, J., Khairul Azfar, J. & Norwahida, W. (2021). Tawarruq As An Alternative to Ar-Rahnu Structure. *FBM Insight*.
- Muhammad Abdullah, D. (2024). Innovation on Islamic Finance: Review of Organized Banking Tawarruq. *Review of Islamic Social Finance and Entrepreneurship*.
- Nik Hadiyan, N. A., Mohd Zaidi, M. Z., Salina, K. & Nurhafiza, A. K. M., (2020). Unleashing the Ar-Rahnu as A Micro-Financing Instrument for Micro-Entrepreneurs in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*.
- Nik Hadiyan, N. A., Mohd Zaidi, M. Z., Tajul Ariffin, M. & Nurhafiza, A. K. M., (2020). The Adoption of Ar-Rahnu and Finacial Wellbeing of Micro-Entrepreneurs in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*.
- Noha, S. & Mohamad Aniq, A. A. (2024). Pengaplikasian *Ar-Rahnu* dalam Sistem Pembiayaan Islam: Ke Arah Muamalat Kontemporari di Malaysia. *Journal of Management and Muamalah*.
- Nor Fadilah, B., Zurina, S., & Muastafa, M., H. (2021). Legitimizing Ar-Rahnu Through Tawarruq: What Practitioners Have to Say. *Global Journal Al-Thaqafah*.
- Nor Fadilah, B., Zurina, S., & Nurul Wajhi, A. (2021). Overview of Regulatory and Legal Framework of Pawnbroking System in Malaysia. *Journal of Muwafaqat*.
- Nusaibah, H., & Azwa, A., (2021). *Peranan Ar-Rahnu sebagai Sumber Dana Alternatif kepada Usahawan Mikro dalam Menjamin Kelangsungan Perniagaan*. Universiti Malaysia Kelantan, FKP *Posgraduate Research Colloquium*.
- Razinda Tasnim, A. B., Nur Syamilah, M. N., Muhammad Hafiz, H., & Rabiatal Adawiyah, S. (2021) Ways or Waste: Implementation of Ar-Rahnu Shop Acceptance Model (ARSAM) Determining the Factors of Islamic Pawn. *Proceedings of the 2nd Kedah International Zakat Conference 2021 (i-KEIZAC 2021)*.
- Rosaidi, M. H., & Norziah, O., (2021). Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) di Malaysia Isu dan Cabaran Pelaksanaannya di Malaysia. *International Conference on Syariah & Law2021 (ICONSAL 2021)- Online Conference*.
- Rusna, H. & Harith, H. (2021). Examining The Practice of Tawarruq Credit Financing in Malaysian Credit Co-Operatives. *International Conference on Business and Technology*.
- Salimah, Y., Che Khadijah, H., Sakinatul Raadiyah, A., Surita Hartini, M. H. & Yusma Fariza, Y., (2024). Gender-based Acceptance of Ar-Rahnu Among Muslim Micro-Entrepreneurs. *Global Journal Al-Thaqafah*.
- Siti Hazirah, C. H. & Nor Fahimah, M. R. (2021). Isu Syariah dalam Produk Ar-Rahnu di Perbankan Islam di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Studies*.
- Yusrizah Helwany, M. T., (2020). *Factors Affecting Awareness and Retention of Ar Rahnu Customers: A Case of Ar-Rahnu YaPEIM in Kedah*. Tesis Sarjana: Universiti Utara Malaysia (UUM).

- Wan Naimah, W. D., Murni, Y., & Zakaria, B. (2021). Prospek Produk Baharu Ar- Rahnū YaPEIM Sebagai Alternatif Mikro Kredit. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*.
- Zainur Nadiyah, B., Nur Nabilah, M. Z., Noor Aznaim, A. B. & Muhammad Hasif, Y. (2023). Analysis of Ar-Rahnū Financing Implementation in Cooperative Banking. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*.